**ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2023**

**TARIKH :**
**14 OGOS 2023**
**TEMPAT :**
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

PEJABAT TANAH DAN
DAERAH GOMBAK

SALINAN BORANG PENYERTAAN

LAMPIRAN A

**BORANG PENYERTAAN**

**ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR**

**TAHUN 2023**

**Peringkat Penyertaan**

- [ ] **Akar Umbi**
- [ ] **Sektor Swasta**
- [ ] **Sekolah**
- [x] **Sektor Awam**
- [ ] **IPT**

## <u>MAKLUMAT PERIBADI / KUMPULAN / JABATAN</u>

**Nama Individu / Jabatan & Agensi / Syarikat / IPT / Sekolah**

Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak

## <u>MAKLUMAT KUMPULAN</u>

**Untuk penyertaan berkumpulan sahaja*

| | |
|---|---|
| Nama Kumpulan | : Kumpulan Kuarza |
| Bilangan Ahli | : 10 Orang |
| Nama Ahli | : i) Zawanah Husna binti Ahzahar |
| | : ii) Muhamad Amin Bin Azam |
| | : iii) Nor Afizan Binti Re |
| | : iv) Siti Norlela Binti Tasuki@Dasuki |
| | : v) Noraini Binti Abdul Aziz |
| | : vi) Norhidayah Binti Mohni |
| | : vii) Mohd Norshahrudin Bin Samudi |
| | : viii) Muhammad Zulhafizie Bin Zaiful |
| | : ix) Masithah Binti Saleh |
| | : x) Zahirah binti Johari |

SALINAN BORANG PENYERTAAN
LAMPIRAN A

**Alamat Individu / Jabatan & Agensi / Syarikat / IPT / Sekolah**

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman,
Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang,
68100 BATU CAVES

**No. Perhubungan**

No. Tel ( R ) : 03 – 6126 1402
.......................................................................................................................

No. Tel ( P ) : 03 – 6126 1500
.......................................................................................................................

No. Tel ( B ) : 017 – 938 1879
.......................................................................................................................

No. Faks : 03 – 6136 1073

.......................................................................................................................

E-Mel : gombak@selangor.gov.my

.......................................................................................................................

**Pengesahan Ketua Jabatan/ Agensi**

Tanda Tangan & Cop Ketua Jabatan / Agensi

NOR AZLINA BINTI ABDUL AZIZ S.I.S, A.M.S
PEGAWAI DAERAH
PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

Tarikh : 29/5/23

# ISI KANDUNGAN


| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1. | TAJUK INOVASI | 1 |
| 2. | NAMA JABATAN/AGENSI/INSTITUSI | 1 |
| 3. | PENGENALAN<br>3.1 Latar Belakang Ringkas Perkhidmatan | 1-5 |
| 4. | Penerangan Hasil Inovasi<br>4.1 Ringkasan Hasil Inovasi | 6-8 |
| | 4.2 Tarikh Inovasi Dihasilkan | 9 |
| | 4.3 Tujuan Projek Inovasi | 9 |
| | 4.4 Proses Pelaksanaan Inovasi<br>(Nyatakan Jika Dibuat *In-House* Atau *Out-Source*) | 10 |
| | 4.5 Proses Sebelum Dan Selepas | 10-14 |
| | 4.6 Elemen Penurunan Kuasa (Jika Ada) | 15 |
| | 4.7 Kumpulan Sasar Dan Skop Liputan | 16 |
| | 4.8 Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar<br>a. Elemen Inovatif/Kreatif | 17 |
| | b. Elemen Keberkesanan | 18-20 |
| | c. Eleman Signifikan | 21 |
| | d. Elemen Relevan | 21 |
| | 4.9 Pengiktirafan Diterima | 22 |
| | 4.10 Gambar-Gambar Berkaitan | 23-28 |
| | 4.11 Implikasi Kewangan (Jika Ada) | 29-30 |
| 5. | PENUTUP | 30 |

# KATA-KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh, Salam Sejahtera,
Salam Selangor Maju Bersama dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) bagi tahun 2023 dapat diteruskan lagi dengan jayanya. Utamanya, usaha membudayakan inovasi dan kreativiti perlu diterap dengan lebih pantas dan menyeluruh menerusi penjanaan lebih banyak idea-idea baharu untuk menjamin kelestarian perkhidmatan khususnya.

Saya amat berbesar hati dengan penglibatan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak bagi membudayakan inovasi pada kali ini. Meneladani komitmen, kudrat dan masa yang telah dilaburkan, usaha yang tidak serik dilimpahkan oleh semua pasukan yang terlibat sepanjang tempoh persediaan ini sememangnya perlu dikagumi dan dicontohi oleh semua lapisan kakitangan awam. Semoga segala usaha yang disemai indah ini akan membuahkan hasil.

Akhir kalam dari saya, semoga inisiatif ini dapat membuahkan *outcome* yang konstruktif ke arah membudaya inovasi bagi merealisasi transformasi perkhidmatan awam. Tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku penganjur juga kepada semua kumpulan peserta.

Sekian,
Nor Azlina Binti Abdul Aziz S.I.S, A.M.S
Pegawai Daerah Gombak

## ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)
## TAHUN 2023

**1. TAJUK INOVASI:**

Sistem Pengurusan Latihan yang tidak efisien

Sistem iTrans (*Intelligent Training System*)

Kategori Inovasi : Penjawat Awam (Pejabat Daerah Dan Tanah)
Tarikh Siap Projek : 26 Februari 2021

**2. NAMA JABATAN/AGENSI/INSTITUSI:**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK
Pelbagai Bahagian, (Bahagian Khidmat Pengurusan) - (Unit Latihan, Unit ICT, Unit Pentadbiran, Unit Aset) dan Bahagian Pembangunan Luar Bandar).

**3. PENGENALAN**

**3.1 Latar Belakang Ringkas Perkhidmatan**

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak diwujudkan pada 1 Februari 1974 dan pertama kalinya beroperasi di Jinjang, Kuala Lumpur. Pada tahun 1981, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah berpindah ke bangunan baru di KM 16 Jalan Rawang, 68100 Batu Caves. Bangunan baru tersebut telah dinamakan, Bangunan Sultan Sulaiman dan dirasmikan pada 10 September 1983 oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah dan sehingga kini Pejabat Daerah dan Tanah Gombak masih kekal beroperasi di bangunan tersebut.

Tiga (3) komponen utama yang dilaksanakan di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak adalah termasuk Bahagin Pengurusan Tanah, Bahagian Pembangunan Luar Bandar dan Bahagian Khidmat Pengurusan. Salah satu fungsi Bahagian Khidmat Pengurusan adalah bertanggungjawab dalam mengurus dan menjalankan kursus atau latihan kepada warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Gombak bagi meningkatkan kefahaman dalam kalangan warga kerja tentang dasar serta peraturan kerja yang terkini. Di samping itu Inovasi dibangunkan selaras dengan kehendak visi, misi dan objektif Pejabat Daerah dan Tanah Gombak seperti:-

**VISI**

“Menjadi Tonggak Pengurusan Daerah Dan Pentadbiran Tanah Di Selangor”

**MISI**

“Mengurus Tadbir Daerah Serta Pentadbiran Tanah Secara Profesional Dan Berintegriti Demi Mencapai Kehendak pihak berkenaan@*Stakeholders* Dan Mengoptimumkan Sumber Tanah Bagi Menjana Hasil Negeri”

## Carta Organisasi Pejabat Daerah dan Tanah Gombak



## a. Pengenalan Kumpulan

### i. LOGO KUMPULAN

Nama Kuarza diinspirasikan daripada simbolik kekuatan Permatang Kuarza yang terletak di Hulu Kelang yang menjadi tulang belakang kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Sinonimnya Kuarza dengan nama kumpulan adalah merupakan simbolik kekuatan pengurusan dan Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

Simbolik sebagai tulang belakang dan menjadi kekuatan pihak pengurusan

Simbol keutuhan dari ahli pasukan dalam menyempurnakan setiap tugasan

### i. AHLI KUMPULAN

Nama Kumpulan : Kumpulan Kuarza
Bilangan Ahli : 10 Orang
Nama Ahli : i) Zawanah Husna binti Ahzahar
: ii) Muhamad Amin Bin Azam
: iii) Nor Afizan Binti Re
: iv) Siti Norlela Binti Tasuki@Dasuki
: v) Noraini Binti Abdul Aziz
: vi) Norhidayah Binti Mohni
: vii) Mohd Norshahrudin Bin Samudi
: viii) Muhammad Zulhafizie Bin Zaiful
: ix) Masithah Binti Saleh
: x) Zahirah binti Johari




### ii. MOTO KUMPULAN

# "HANYA KLIK, SELESAI"

## 4. PENERANGAN HASIL INOVASI

### 4.1 Ringkasan Hasil Inovasi

4.1.1 Sistem ini dibangunkan yang melibatkan perekodan kursus yang dihadiri oleh setiap kakitangan sama ada kursus dalaman atau luaran. Sistem ini juga membantu mengenalpasti Kakitangan yang telah selesai atau belum selesai menghadiri kursus pada tahun semasa.

4.1.2 Penilaian keberkesanan kursus akan dilaksanakan selepas kursus dijalankan. Ianya dikategorikan kepada dua penilaian; penilaian daripada peserta dan juga penilaian daripada penyelia. Selaras dengan objektif Pelan Operasi Latihan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, pihak urus setia adalah diwajibkan menjalankan penilaian keberkesanan latihan selepas kursus.

4.1.3 Laporan penilaian kursus secara terus berkaitan kursus yang telah dilaksanakan dapat dijana melalui sistem ini. Sistem iTrans - *Intelligent Training System* yang telah dibangunkan ini, mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

i. Merupakan aplikasi yang berasaskan web;

ii. Boleh diakses secara global tidak mengira masa dan lokasi;

iii. Semua transaksi berkaitan butiran peribadi dan maklumat kursus boleh dikemaskini secara *real time;* dan

iv. Berkebolehan untuk menjana laporan dan statistik bagi tujuan pemantauan dan pelaporan kepada pengurusan atasan.




Sistem ini membolehkan kitaran kursus dilaksanakan secara sempurna dengan melibatkan beberapa fasa seperti:

Fasa 1 – Merekod

- Pihak urus setia latihan adalah diwajibkan untuk memasukkan maklumat kursus yang dianjurkan

Fasa 2 – Memantau/Menilai

- Pihak urus setia perlu memastikan setiap peserta yang menghadiri kursus perlu mengisi penilaian selepas latihan.

Fasa 3 – Notifikasi

- Semua penyelia akan menerima notifikasi untuk menyempurnakan penilaian kepada semua peserta selepas 14 hari daripada tarikh kursus dilaksanakan.

Fasa 4 – Menjana Laporan

- Pihak urus setia diwajibkan menjana laporan penilaian bagi mengenal pasti keberkesanan kursus dijalankan.

<table>
<tr><th>Carta Alir Secara Manual</th><th>Carta Alir Secara Sistem</th></tr>
<tr><td>
</td><td>
</td></tr>
</table>

### 4.2 Tarikh Inovasi Dihasilkan

Pelaksanaan sistem iTrans telah dibangunkan pada 26 Februari 2021.

### 4.3 Tujuan Projek Inovasi

Sistem iTrans - *Intelligent Training System* merupakan sistem di atas talian (*online*) yang dibangunkan oleh Unit Teknologi Maklumat dengan kerjasama Unit Latihan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak secara dalaman (*inhouse*) untuk kegunaan Unit Latihan, Bahagian Khidmat Pengurusan selaku organisasi utama di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang merancang, menyelaras dan melaksanakan program pembangunan sumber manusia melalui program latihan/kursus generik dan fungsional (khusus) anjuran sektor awam dan swasta di dalam dan Luar Negara. Sistem ini turut digunakan oleh Bahagian Pengurusan Tanah dan Bahagian Pembangunan Luar Bandar juga selaku organisasi utama yang menganjurkan latihan/kursus fungsional berkaitan bidang tanah dan pembangunan fizikal dan masyarakat.

Pembaharuan (inovasi) diperlukan bukan sahaja dalam bidang teknologi, tetapi dalam segala bidang termasuk bidang latihan khususnya pengetahuan dan aplikasi dalam pengurusan laporan latihan dan penilaian prestasi selepas hadir berkursus. Pertimbangan dalam melakukan perubahan pengurusan latihan yang tepat dan sesuai dengan sistem adalah inovatif, efektif dan efisien. Pada kebiasaannya apabila seseorang warga kerja melaksanakan pengurusan latihan secara manual, dengan adanya sistem pengetahuan dapat ditingkatkan secara berterusan maka kreativiti dan inovasi dalam digitalisasi dapat dilaksanakan dengan mudah.

## 4.4 Proses Pelaksanaan Inovasi (Nyatakan Jika Dibuat *In -House* Atau *Out-Source*)

Sistem iTrans ini dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman **(GRED F29 – Penolong Pegawai Teknologi Maklumat)** secara *in-house*. Sistem yang dibangunkan membuka peluang kepada warga kerja meningkatkan kemahiran serta memberi nilai tambah kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak amnya. Selain penjimatan yang ketara ianya juga dapat membantu pegawai yang terlibat menguruskan latihan lebih mudah, cepat dan integriti. Sistem yang dibangunkan juga terdapat ciri-ciri keselamatan siber iaitu dengan penggunaan kata laluan sebagai langkah keselamatan data yang terdapat di dalam sistem ini.

## 4.5 Proses Sebelum Dan Selepas

**Sistem dibangunkan menggunakan**
***Benchmark*** **SISTEM INFORMASI MANAGEMENT**




Berikut adalah lakaran Inovasi termasuk *storyboard* dan *prototype* dan carta pembangunan sistem.




*Storyboard* yang telah di lakar berdasarkan percambahan idea semasa projek ini dipersetujui untuk dibangunkan.






*Prototype* yang telah di bangunkan berdasarkan idea yang telah dilakar semasa sesi perbincangan bersama kumpulan.






DOKUMEN PENGUJIAN PENERIMAAN PENGGUNA
(USER ACCEPTANCE TEST)
SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (Itrans)

Laporan kursus telah dikemaskini mengikut keperluan.

☑ Passed ☐ Failed



DOKUMEN PENGUJIAN AKHIR PENGGUNA
(FINAL ACCEPTANCE TEST)
SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (Itrans)

| | |
|---|---|
| Tarikh : | 25/5/21 |
| Tempat : | |
| Diuji Oleh : | |
| Catatan : | Laporan telah dikemaskini |
| Tandatangan : | |
| Nama : | |
| Jawatan : | |

Ujicuba sistem dibuat melalui kaedah *User Acceptance Test* dan kaedah *Final Acceptance Test.*

| PENERANGAN INOVASI SEBELUM DILAKSANAKAN | PENERANGAN INOVASI SELEPAS DILAKSANAKAN |
|---|---|
| Pihak urus setia akan menghantar email atau memberi borang penilaian (secara fizikal) sleepers latihan dilaksanakan (selewatnya dalam tempoh sebulan). Walau bagaimanapun, pentadbiran mengalami beberapa masalah termasuklah: | Terdapat beberapa perubahan yang dapat dilihat selepas menggunakan sistem iTrans: |
| i. Hilang atau tidak dikembalikan kepada urus setia; | i. Tiada lagi masalah hilang borang atau tidak dikembalikan kepada urus setia; |
| ii. Lambat dikembalikan kepada urus setia (melebihi tempoh sehingga tiga (3) bulan selepas berkursus); | ii. Penyelia menerima notifikasi penilaian selepas latihan dilaksanakan; |
| iii. Tidak mendapat respons daripada penyelia; | ii. Mengelakkan pembaziran kertas (selaras dengan pelaksanaan EKSA – recycle, reuse and reduce); |
| iv. Mendapat teguran dari naziran berikutan kelewatan maklum balas yang diterima. | iv. Laporan kursus dapat dijana secara automatik. |

Perbandingan Sebelum dan Selepas Inovasi -Sistem iTrans dilaksanakan di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

## 4.6 Elemen Penurunan Kuasa (Jika Ada)

Pihak pengurusan tertinggi Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah bersetuju dan memberi kelulusan untuk pembangunan Sistem *iTrans* ini di bawah saluran inovasi jabatan bermula Februari 2021. Puan Pegawai Daerah menyokong sepenuhnya inovasi ini bagi tujuan memudahkan dan melancarkan pengurusan serta perekodan dan pelaporan kursus bagi kakitangan di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dilaksanakan.



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**
BANGUNAN SULTAN SULAIMAN
PERSIARAN PEGAWAI
BANDAR BARU SELAYANG
68100 BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT.NO.QMS 02254

Rujukan : PDTG.KP.100-13/5/2 ( 8 )
Tarikh : 25 Februari 2021

Ketua Kumpulan
Projek Sistem Pengurusan Latihan (iTRANS)
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang
**68100 BATU CAVES**

Tuan,

**KELULUSAN KERTAS CADANGAN PROJEK SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (i-TRANS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan dengan ini saya memberi kelulusan untuk melaksanakan Projek Sistem Pengurusan Latihan (i-Trans). Sehubungan dengan itu, diharap semua ahli dalam kumpulan tersebut dapat melaksanakan projek ini dengan jayanya. Segala perhatian dan kerjasama puan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SHUKRI BIN MOHAMAD HAMIN, S.M.S, P.P.T)**
Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

No. Telefon: Bhg. Khidmat Pengurusan: 03 6126 1406 | Unit Hasil: 03 6126 1425 | Unit Pendaftaran 1: 03 6137 7743 | Unit Pendaftaran 2: 03 6126 1445
Bhg. Pengurusan Tanah: 03 6126 1505 | Unit Pembangunan Tanah: 03 6126 1555 | Unit Penguatkuasa: 03 6126 1533 | Bhg. Pembangunan: 03 6126 1436
Talian Terus (Hotline): 03 6126 1500 No. Faks: 03 6136 1073 / 03 6138 7470
Laman Web: http://www.selangor.gov.my/gombak Email: gombak@selangor.gov.my

## 4.7 Kumpulan Sasar Dan Skop Liputan

Sistem iTrans yang dibangunkan ini menyasarkan, semua kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang hadir berkursus, penyelia yang akan menilai dan auditor. Sistem ini juga akan di perluaskan kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) jika bekeperluan menggunakannya.



PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

HEBAHAN PELAKSANAAN PROJEK SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (ITRANS) KUMPULAN KUARZA

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(MOHD ZARY AFFENDI BIN MOHD ARIF)
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak
b.p. Pegawai Daerah Gombak



## 4.8 Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar

### a. Elemen Inovatif/Kreatif

i. Laporan kursus mudah dijana. Kerja keurusetiaan kursus menjadi mudah, cepat dan teratur. Laporan kursus dapat dijana secara terus melalui sistem yang dibangunkan;

ii. Penilaian kursus dapat dibuat secara terus dan cepat dengan mengurangkan masa menjawab dan pemulangan semula borang. Peserta tidak perlu menjawab secara manual yang mengambil masa untuk di isi;

iii. Penilaian ketua jabatan cepat dan pantas. Penilaian kursus oleh pegawai penilai dapat dibuat secara terus dan pantas tanpa perlu menerima makluman daripada pihak urus setia kursus;

iv. Mudah diakses di mana-mana melalui *smartphone*. Dengan adanya sistem ini secara atas talian, penilaian kursus dapat dibuat secara terus di mana saja berada dengan menggunakan *smartphone* sendiri - [https://pdtg.selangor.gov.my/itrans/](https://pdtg.selangor.gov.my/itrans/)



Pautan sistem boleh diakses di mana-mana dan tidak terhad hanya menggunakan rangkaian internet pejabat sahaja.

**b. Elemen Keberkesanan**

i. **Penjimatan penggunaan kertas.** Kos penggunaan kertas dapat dikurangkan dengan pembangunan sistem ini. Urus setia kursus hanya menyimpan laporan kursus secara *hardcopy* sahaja.

ii. **Perekodan kursus lebih teratur.** Rekod kursus yang dihadiri dapat dijana secara terus oleh setiap kakitangan di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Peserta juga dapat menyimpan maklumat kursus yang telah dihadiri sama ada kursus anjuran dalaman atau anjuran luaran.

iii. Penggunaan inovasi telah diberi maklumbalas oleh semua warga kerja atas keberkesanan pengurusan latihan bermula pada Ogos 2021 selepas sistem selesai dibangunkan sepenuhnya. Maklum balas daripada pengguna seperti pada rajah berikut:

2. Bahagian
120 responses




3. Adakah anda bersetuju dengan pembangunan sistem pengurusan latihan atas talian?
120 responses




4. Apakah dengan pembangunan sistem latihan atas talian dapat membantu dari segi rekod?
120 responses




5. Adakah dengan adanya sistem pengurusan latihan atas talian ini dapat mengurangkan bajet jabatan?
120 responses




6. Adakah anda bersetuju sistem ini menggantikan penialaian kursus secara manual?
120 responses



- Sistem ini juga telah dihantar bagi tujuan validasi di bawah Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan agensi kerajaan yang lain.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT,

SELANGOR DARUL EHSAN.

Tarikh : 6 Julai 2021

Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES

Puan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN UNTUK SESI UJI CUBA SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (I-TRANS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat puan PDTG.KP.100-13/5/1 JLD.4 ( 9 ) bertarikh 23 Jun 2021 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Maklumat, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menilai 'Sistem Pengurusan Latihan i-Trans' yang dibangunkan oleh pihak puan. [illegible]

3. Sehubungan dengan itu, [illegible]

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Bahagian Pengurusan Maklumat
b.p Setiausaha Bahagian



JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

62100 PUTRAJAYA

Rujukan : JAPEN/BTD/100-6/1/8 JLD.3 ( 6 )
Tarikh : 7 Julai 2021

Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai
**BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES**

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN UNTUK SESI UJI CUBA SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (i-TRANS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan PDTG.KP.100-13/5/1 JLD.4 ( 9 ) bertarikh 23 Jun 2021 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Teknologi Digital, Jabatan Penerangan Malaysia telah menguji cuba dan menilai 'Sistem Pengurusan Latihan i-Trans' yang dibangunkan oleh pihak tuan. [illegible]

3. Sehubungan dengan itu, [illegible]

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

Bahagian Teknologi Digital
Jabatan Penerangan Malaysia

**c. Eleman Signifikan**

i. Menyediakan sistem yang lebih mesra pengguna bertepatan dengan kehendak warga kerja;

ii. Memberikan perkhidmatan yang lebih efisien, cekap dan pantas sekaligus memberi imej Pejabat Daerah dan Tanah Gombak signifikan dengan Visi dan Misi Jabatan;

iii. Sistem yang boleh diakses dengan mudah menyebabkan sistem penyampaian perkhidmatan Pejabat Daerah dan Tanah lebih cemerlang.

**d. Elemen Relevan**

i. Inovasi ini sejajar dengan Teras 6 Pelan Strategik 2019-2023 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak seperti “Pembangunan Dan Memantapkan ICT Secara Bersepadu Dan Berkesan”;




ii. Inovasi relevan dengan objektif Pentadbiran iaitu Mengurus penyelenggaraan aplikasi dan perkakasan dengan cekap;

iii. Menyediakan kursus-kursus komputer terhadap sistem-sistem yang dibangunkan kepada kakitangan di semua Pejabat Tanah dan daerah bagi tujuan penjimatan ruang penyimpanan di samping penjimatan masa.

### 4.9 Pengiktirafan Diterima

Sistem ini telah berjaya dinobatkan johan pertandingan Inovasi Peringkat Dalaman Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.



## 4.10 GAMBAR-GAMBAR BERKAITAN

### 4.10.1 Gambar Sijil Penghargaan dan Sijil Penghargaan Johan Inovasi






### 4.10.2 Surat Lantikan Pasukan Projek dan Inovasi

**Surat Lantikan Pasukan Projek**


PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN BAGI PROJEK SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (iTRANS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

**PELANTIKAN SEBAGAI SETIAUSAHA PROJEK SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (iTRANS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

**Surat Lantikan Pasukan Inovasi**


PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

#KitaSelangor

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK BAGI TAHUN 2023**

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

#KitaSelangor

**PELANTIKAN SEBAGAI KETUA KUMPULAN INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK BAGI TAHUN 2023**

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

### 4.10.3 Surat Permohonan Ujicuba Ke Bahagian Pengurusan Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**
BANGUNAN SULTAN SULAIMAN
PERSIARAN PEGAWAI
BANDAR BARU SELAYANG
68100 BATU CAVES
SELANGOR DARUL EHSAN

#KitaSelangor

Rujukan : PDTG.KP.100-13/5/1 JLD.4 (7)
Tarikh : 23 Jun 2021

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Seksyen 5, Shah Alam
**40000 SHAH ALAM**

Tuan,

**PERMOHONAN UNTUK SESI UJI CUBA SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (iTrans) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kumpulan Kuerza Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak telah membangunkan satu sistem pengurusan latihan yang diberi nama *'Intelligent Training System (iTrans)'*. Sistem ini dapat membantu menyelesaikan masalah pengurusan serta pemantauan kursus dengan lebih efisien.

3. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini memohon jasa baik pihak tuan untuk membuat sesi uji cuba *'Intelligent Training System (iTrans)'* serta memberi maklumbalas berkaitan sistem yang telah dibangunkan secara bertulis dengan ringkas. Segala perhatian dan kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NAZIAN HANIM BINTI RAHIM)**
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak

---

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,**
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT,
TINGKAT 2, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Rujukan : [illegible]
Tarikh : 6 Julai 2021

Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
**68100 BATU CAVES**
**(u.p : Puan Nazian Hanim Binti Rahim)**

Puan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN UNTUK SESI UJI CUBA SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (i-TRANS) PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat puan PDTG.KP.100-13/5/1 JLD.4 ( 9 ) bertarikh 23 Jun 2021 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Maklumat, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menilai 'Sistem Pengurusan Latihan i-Trans' yang dibangunkan oleh pihak puan. Berdasarkan semakan dan nilaian yang telah dibuat didapati 'Sistem Pengurusan Latihan i-Trans' yang dilaksanakan oleh pihak puan sangat efisyen dan bermanfaat serta menguntungkan pihak kerajaan Negeri berdasarkan penjimatan yang telah dibuat.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati dan mengalu-alukan sekiranya pihak puan dapat meneruskan pembangunan sistem ini dan sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa. Pihak kami mencadangkan agar sistem yang dibangunkan dapat di bawa ke peringkat Inovasi supaya sistem ini digunakai oleh semua jabatan kerajaan yang ada.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(AMIR HISHAM BIN AKALUDIN)**
Bahagian Pengurusan Maklumat
b.p Setiausaha Bahagian

### 4.10.4 Surat pengesahan Audit Dalam mengenai penjimatan kos

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
**(MEMO ANTARA BAHAGIAN)**

PDTG-KP-100-13/5/1 JLD.4 (12) Tarikh : 11 Januari 2022

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK** | **PERMOHONAN SEMAKAN PENJIMATAN KOS BAGI IMPLIKASI KEWANGAN PEMBANGUNAN SISTEM *ITRANS* PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK** | |
| **DARIPADA** | KPPD (BKP) | **SALINAN KEPADA:**<br>Pegawai Daerah |
| **KEPADA** | Ketua Audit Dalam | |

Tuan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, pentadbiran ini telah membangunkan satu Sistem *iTRANS* bagi pengurusan latihan yang lebih efektif, efisyen dan sistematik. Sebagai langkah penjimatan jabatan, tiada sebarang kos yang diperuntukan bagi membangunkan sistem ini. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat penuh penjimatan kos yang telah disediakan untuk rujukan tuan.

3. Kerjasama tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**(NAZIAN HANIM BINTI RAHIM)**
Ketua Penolong Pegawai Daerah
Bahagian Khidmat Pengurusan

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
**(MEMO ANTARA BAHAGIAN)**

PDTG.KP.100-14/2/1 Tarikh: 26 Januari 2022

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK** | **PERMOHONAN SEMAKAN PENJIMATAN KOS BAGI IMPLIKASI KEWANGAN PEMBANGUNAN SISTEN ITRANS** | |
| **DARIPADA** | **TIMBALAN KETUA AUDIT DALAM** | **Salinan :** |
| **KEPADA** | **KPPD (BKP)** | |

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada memo tuan PDTG.KP.100-13/5/1 JLD.4(12) bertarikh 11 Januari 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Audit Dalam Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah menilai Sistem *iTRANS* yang dibangunkan oleh pihak tuan. Berdasarkan semakan dan nilaian yang telah dibuat didapati Sistem *iTRANS* yang dilaksanakan oleh pihak tuan sangat efisyen dan bermanfaat serta menguntungkan pihak kerajaan Negeri berdasarkan penjimatan kos yang telah dibuat.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami mencadangkan agar sistem yang dibangunkan dapat di bawa ke peringkat Inovasi supaya sistem ini digunakai oleh jabatan.

Sekian, terima kasih.

**(MOHD ADIB BIN MOHD ARSHAD)**
Timbalan Ketua Audit Dalam

**4.10.5 Gambar proses inovasi dari pencambahan idea sehingga selesai pembangunan sistem.**







Sistem Pengurusan Latihan
Selamat Datang!
Log Masuk
Daftar Sekarang
Pengumuman !!


ITRANS
Paparan Utama
15
12
129
59


ITRANS
Kursus Dalaman
Maklumat Pengguna
Maklumat Kursus


ITRANS
Berjaya !!
OK

## 4.11 Implikasi Kewangan (Jika Ada)

Berikut adalah perbandingan penjimatan sebelum sistem dibangunkan bermula Januari 2018 sehingga Disember 2022 dan selepas sistem dibangunkan pada Januari 2021 sehingga berakhir April 2023.

| BIL | JENIS PENJIMATAN | SEBELUM SISTEM DIBANGUNKAN (2018-2022) | SELEPAS PENGGUNAAN SISTEM (2021-April 2023) | PERBEZAAN | PERATUS (%) PENJIMATAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Penjimatan Pembelian Buku Log | RM12,000.00 (RM20.00 X 200 = RM4,000.00/setahun) | 0 | RM 12,000.00 | 100.00% |
| 2 | Penjimatan Kertas Putih A4 | RM180.00 (RM60.00 x 3 tahun) | 0 | RM 180.00 | 100.00% |
| 3 | Penjimatan Pembelian Toner Printer | RM1,200.00 (RM400.00/Setahun) | RM200.00 | RM 1,000.00 | 83.33% |
| 4 | Penjimatan Pembelian Kertas Sijil | RM144.00 (RM48.00/Setahun) | 0 | RM144.00 | 100.00% |
| 5 | Ruang Simpanan barang (Kabinet) | RM1,350.00 (RM450/unit) | RM450.00 | RM900.00 | 66.66% |
| 6 | Penjimatan Tenaga Kerja | RM13,000.00 (Merangkumi Kos Pembangunan Sistem menggunakan Syarikat Luar | RM1,062.50 (RM2,000/20 hari/ 8 jam) x 5 jam x 17 Hari) | RM 11,937.50 | 91.82% |
| 7 | Kerja-kerja Keurusetiaan semasa kursus | RM14,601.60 (RM1,352.00/20 hari/8 jam) x 8 jam x 6 orang x 36 bulan | RM3,244.80 (RM1,352.00/20 hari/8 jam) x 8 jam x 2 orang x 24 bulan | RM 11,356.80 | 77.78% |
| 8 | Tuntutan Elaun Lebih Masa (Bagi Urus Setia Latihan)<br>*Rujukan kadar bagi Gred N19 yang dilantik sebagai urus setia | RM 25,920.00 RM10.00/sejam x 8 jam x 54 hari x 6 orang | RM 5.760.00 RM10.00/sejam x 8 jam x 36 hari x 2 orang | RM 20,160.00 | 77.78% |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **RM 68,395.60** | **RM 10,717.30** | **RM 57,678.30** | **84.33%** |

Sebelum pelaksanaan sistem, kos operasi adalah sebanyak **RM68,395.60**. Walau bagaimanapun setelah sistem dilaksanakan, kos operasi hanya sebanyak **RM10,717.30**. penjimatan keseluruhan yang dapat dibuat adalah sebanyak **RM57,678.30** dengan peratusan sebanyak **84.33%**

**Kesan penjimatan kos yang telah dibuat sebanyak RM 57,678.30, lebihan tersebut boleh dimanfaatkan seperti perkara berikut:-**

i. Menyalurkan lebihan wang tersebut kepada Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak bagi manfaat kakitangan.
ii. Menggandakan kursus sedia ada jabatan.

## 5. PENUTUP

Pembangunan sistem latihan dapat memberi kebaikan kepada warga kerja misalnya **menambahkan kemahiran dan prestasi serta ekonomi Pejabat itu sendiri**. Program latihan yang diadakan mampu mencipta peluang kepada warga kerja untuk meningkatkan kemahiran serta pengetahuan di samping menilai prestasi terhadap kursus secara cepat, pantas dan telus.

Dengan wujudnya sistem latihan yang efisien ini, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak akan menjadi contoh terbaik kepada pengurusan sistem latihan yang menarik dan menjadi rujukan bagi tujuan penambahbaikan. Di samping penjimatan masa, tenaga serta kos operasi, sistem penyampaian perkhidmatan juga dapat ditingkatkan di samping memberi imej terbaik terhadap masyarakat yang bakal memberi penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan.